

COMPANZOLE[®] ENTERIC COATED TABLET

Pantoprazole (20mg, 40mg)

Apakah yang ada pada risalah ini

1. Apakah kegunaan COMPANZOLE[®]
2. Bagaimana COMPANZOLE[®] berfungsi
3. Sebelum menggunakan COMPANZOLE[®]
4. Cara menggunakan COMPANZOLE[®]
5. Semasa menggunakan COMPANZOLE[®]
6. Kesan-kesan sampingan
7. Cara penyimpanan dan pelupusan COMPANZOLE[®]
8. Maklumat lanjut
9. Pengilang dan Pemegang Pendaftaran Produk
10. Tarikh kemaskini RiMUP

Apakah kegunaan COMPANZOLE[®]

COMPANZOLE[®] digunakan bersama dengan antibiotik untuk penghapusan *Helicobacter pylori* di kalangan pesakit ulser peptik. Ia juga digunakan untuk ulser duodenum, ulser gastrik, kes keradangan esofagus sederhana dan teruk, Zollinger-Ellison-Syndrome dan keadaan *hypersecretory* lain (keadaan dimana badan menghasilkan terlalu banyak asid gastrik).

Bagaimana COMPANZOLE[®] berfungsi

COMPANZOLE[®] mengandungi bahan aktif Pantoprazole. Pantoprazole adalah *proton pump inhibitor* selektif, ubat yang mengurangkan jumlah asid yang dihasilkan di dalam perut anda. Ia digunakan untuk mengubati penyakit perut yang berkaitan dengan asid.

Sebelum menggunakan COMPANZOLE[®]

- Bila tidak boleh menggunakan

Anda tidak boleh mengambil ubat ini jika anda alergic terhadap bahan kandungan

atau bahan kandungan kombinasi COMPANZOLE[®]. Anda tidak boleh menggunakan ubat ini jika anda alergic pada *proton pump inhibitor* yang lain.

- Sebelum mula menggunakan COMPANZOLE[®]

Beritahu doktor atau ahli farmasi anda jika anda alergic kepada Pantoprazole atau komponen dalam produk ini. Beritahu doktor anda sebelum mengambil ubat ini, jika anda akan menjalani ujian darah tertentu (Chromogranin A).

- Jika mengambil ubat-ubat lain

Dapatkan nasihat doktor atau ahli farmasi, jika anda ingin menggunakan COMPANZOLE[®] bersama dengan ubat lain.

Selain itu, anda juga perlu memaklumkan kepada doktor atau ahli farmasi anda mengenai semua ubat yang anda ambil, termasuk ubat-ubatan tanpa preskripsi.

Cara menggunakan COMPANZOLE[®]

- Berapa banyak harus digunakan

Pengambilan dos sehari dari 20mg-40mg bergantung kepada keadaan penyakit. Sila mengambil ubat ini berdasarkan preskripsi doktor anda.

- Bila perlu digunakan

Ambil tablet 1 jam sebelum makan, tanpa mengunyah atau menghancurkannya, dan menelannya keseluruhan dengan air.

- Berapa lama perlu digunakan

COMPANZOLE[®] perlu diambil mengikut preskripsi doktor anda.

- Jika terlupa menggunakan

Jika anda terlupa satu dos, ambil dos itu secepat mungkin. Jika sudah mendekati masa pengambilan dos yang kedua, jangan mengambil dos yang berganda untuk menggantikan dos yang terlupa.

- Jika mengguna berlebihan (terlebih dos)

Rujuk pada doktor atau ahli farmasi dengan segera jika anda atau sesiapa sahaja mengambil dos yang berlebihan.

Semasa menggunakan COMPANZOLE[®]

- Perkara yang perlu dilakukan

Ikut nasihat doktor anda semasa mengambil COMPANZOLE[®].

- Perkara yang tidak boleh dilakukan

Jangan berhenti mengambil ubat ini atau mengubah pengambilan dos tanpa arahan doktor. Jangan memberi COMPANZOLE[®] kepada sesiapa walaupun simptom mereka serupa dengan anda.

- Perkara yang perlu diberi perhatian

Anda tidak digalakkan mengambil COMPANZOLE[®] dengan tujuan melegakan masalah penghadaman yang biasa. COMPANZOLE[®] tidak boleh digunakan pada kanak-kanak yang berumur kurang daripada 12 tahun kecuali dinasihati doktor.

Kesan-kesan sampingan

Semasa anda mengambil ubat ini, doktor anda akan mengawasi anda (terutamanya jika anda mengambilnya untuk jangka masa panjang). Oleh itu, anda harus melaporkan sebarang gejala dan keadaan baru dan luar biasa setiap kali berjumpa doktor. Tolong beritahu doktor anda dengan segera jika anda mengalami gejala berikut:

- Ruam (terutamanya di kawasan yang terdedah kepada cahaya matahari), mungkin dengan sakit pada sendi (*Subacute Cutaneous Lupus Erythematosus, SCLE*) (kekerapan tidak diketahui)

CONPANZOLE[®] ENTERIC COATED TABLET

Pantoprazole (20mg, 40mg)

- Demam, keletihan yang teruk, nanah/darah dalam air kencing
- Pengecutan otot yang tidak disengaja, disorientasi, kejang, pening, peningkatan kadar jantung
- Keretakan pada pinggul, pergelangan tangan atau tulang belakang (kekerapan tidak biasa). Beritahu doctor and jika anda mempunyai *osteoporosis*, jika anda mengambil *corticosteroids* (boleh menyebabkan risiko mendapatkan *osteoporosis* adalah tinggi).
- Keradangan pada usus besar, yang menyebabkan cirit-birit berair berterusan (kekerapan tidak diketahui)
- Najis berair, sakit perut dan demam yang tidak hilang
- Anemia (kulit pucat, lemah, letih atau ringan), sesak nafas, lidah licin, masalah saraf (mati rasa atau kesemutan, kelemahan otot dan masalah berjalan), kehilangan penglihatan dan masalah mental (kemurungan, kehilangan ingatan atau perubahan tingkah laku)
- Sakit kepala, pening, penglihatan kabur, cirit-birit, mual, sakit perut dan rasa tidak selesa
- Masalah buah pinggang (*nefritis interstitial*)
- Tahap magnesium yang rendah (*hypomagnesaemia*) juga boleh menyebabkan penurunan kadar kalium dan kalsium dalam darah.
- Cirit-birit teruk yang mungkin disebabkan oleh jangkitan (*Clostridium difficile*) di usus anda.
- Polip jinak di perut (kekerapan biasa)
- *Proton pump inhibitors* boleh menyebabkan kekurangan vitamin B12.

Anda boleh melaporkan sebarang kesan sampingan atau kesan advers ubat kepada Pusat Pemantauan Kesan Advers Ubat Kebangsaan melalui laman web npra.gov.my. [*Consumers → Reporting Side Effects to Medicines (ConSERF) or Vaccines (AEFI)*].

Cara penyimpanan dan pelupusan CONPANZOLE[®]

- Penyimpanan

Simpan di bawah suhu 30°C. Elakkan daripada terdedah kepada keadaan panas dan lembap.

- Pelupusan

Lupuskan ubat ini apabila anda diarahkan untuk berhenti mengambil CONPANZOLE[®] oleh doktor atau ahli farmasi atau ubat ini telah melepasi tarikh luput.

Bertanya pada ahli farmasi cara pelupusan yang betul.

Maklumat lanjut

- Rupa dan warna produk

20mg: Tablet berwarna kuning dan berbentuk oval enteric coated tablet

»  »

40mg: Tablet berwarna kuning dan berbentuk oval enteric coated tablet

»  »

- Bahan-bahan kandungan

- Bahan aktif

Pantoprazole

- Bahan tidak aktif

Sodium Carbonate, Cellulose, Lactose, Talc, Sodium Stearyl Fumarate, Crospovidone, Polyethylene Glycol, Titanium Dioxide, Sodium Bicarbonate, Sodium Lauryl Sulfate, Opadry Yellow, Methacrylic Acid Copolymer.

- Nombor MAL:

20mg: MAL11095002AZ

40mg: MAL11095003AZ

Pengilang dan Pemegang Pendaftaran Produk

Y.S.P. Industries (M) Sdn. Bhd.

Lot 3, 5, 7, 12 & 14, Jalan P/7, Section 13, Kawasan Perindustrian Bandar Baru Bangi, 43000 Kajang, Selangor, Malaysia.

Tarikh kemaskini RiMUP

26/03/2026

Nombor Siri

NPRA (R2/1)210921/754